From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 2 August, 2022 8:35:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: GUNA DATA AUDIT SETARA TINGKAT PRESTASI PENGAJIAN TINGGI NEGARA

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 OGOS 2022 / 4 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Suhailawati Mohd. Shamsudin
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

GUNA DATA AUDIT SETARA TINGKAT PRESTASI PENGAJIAN TINGGI NEGARA



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berharap segala dapatan yang diperoleh daripada audit SETARA seluruh negara dapat membantu kerajaan membuat perancangan lebih rapi tentang pengajian tinggi di negara ini.

Hasrat beliau itu disuarakan di Mesyuarat Pembukaan Audit SETARA 2022 Universiti Utara Malaysia (UUM) di Bilik Mesyuarat Senat, pagi tadi.

Selain itu, menurut Haim Hilman lagi, melalui dapatan audit berkenaan juga pihak universiti dapat memperbaiki sebarang kelemahan serta mengambil pendekatan strategik bagi meningkatkan prestasi menyeluruh universiti.

Dalam ucapan pembukaan tersebut, beliau turut menyatakan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana memberi kepercayaan kepada UUM untuk menjadi hos Zon Utara.

“Saya juga amat berbangga kerana Jabatan Pendidikan Tinggi mengambil langkah membuat pengauditan sendiri dan tidak bergantung kepada juruaudit luar seperti sebelum ini.

Hal ini merupakan langkah yang bijak memandangkan hanya mereka yang berada di industri pengajian tinggi memahami situasi dan senario semasa,” ujar beliau lagi.

Sementara itu, Ketua Auditor SETARA Zon Utara, Prof. Ir. Ts Dr. Vinesh Thiruchelvam semasa membuat ucapan balas memaklumkan tiga fungsi utama yang menjadi fokus pengauditan kali ini iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP), penyelidikan dan inovasi, dan akhir sekali perkhidmatan.

Proses pengauditan yang dimulai UUM ini akan melihat data berkaitan mulai 2019 hingga 2021.

Mulai tahun 2022, pengauditan SETARA yang hanya menilai universiti yang berusia lima tahun ke atas akan dibuat setiap tahun berbanding sebelum ini.

Dalam penilaian SETARA, UUM dikategorikan dalam ‘mature university’ iaitu kategori universiti yang melebihi usia 16 tahun.

UUM telah mencapai taraf lima bintang pada SETARA 2017 dan berjaya mengekalkan taraf tersebut bagi tahun 2018/2019.



Please consider the environment before printing this e-mail

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.